

PANDUAN PEMBERSIHAN DAN PEMBASMIAN DI TEMPAT KERJA SEMASA PANDEMIK COVID-19




PEMBERSIHAN PERMUKAAN YANG KERAP DISENTUH DAN PERALATAN

- Tempat kerja hendaklah dikekalkan pada piawai kebersihan yang munasabah.
- Pembersihan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya sekali sehari dan lebih kerap terutamanya di kawasan yang mempunyai akses awam.
- Agen Pembasmian:**
 - Cecair peluntur (*Bleach*)
 - Cecair mengandungi 70% alkohol
 - Instat wipe* mengandungi 70% alkohol

PERALATAN PEMBERSIH

Mop	Botol <i>Spray</i>
Baldi	Air
Kain Lap	Sarung Tangan Getah
Vacuum Cleaner	Penutup Muka dan Hidung
<i>Apron</i>	<i>Goggle</i>

PERMUKAAN KERAP DISENTUH



1 liter sukatan cecair
peluntur (*bleach*)

9 liter
sukatan air




Carpet

- Vakum *Carpet* terlebih dahulu.
- Sembur sekurang-kurangnya 2 kali sehari menggunakan botol *spray*.
- Pembasmian :
Cecair peluntur (*bleach*) komersial



5 ml
cecair peluntur



95 ml
sukatan air

Peringatan:

- Cecair peluntur (*bleach*) komersial hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 5% kepekatan *Sodium Hypochlorite* (Rujuk label pada botol cecair peluntur komersial).
- Bancuhan tidak boleh disimpan kerana keberkesanan akan berkurang setelah digunakan atau dicampur dengan bahan organik.
- Pastikan anda tidak menambah bahan lain untuk mengelakkan tindak balas yang tidak pasti.
- Pengguna dikehendaki memakai Peralatan Pelindung Diri seperti sarung tangan, sungkup muka, *apron* dan *goggle*.

Amalan am di tempat kerja:

- Menjaga kebersihan diri dan persekitaran.
- Mencuci tangan adalah penting dalam mencegah penyebaran jangkitan.
- Sediakan *sanitizer* tangan di kawasan atrium/lobi.
- Tutup mulut dan hidung apabila batuk atau bersin.
- Pastikan semua kakitangan dan pelawat memakai sungkup muka.
- Nasihatkan kakitangan yang sakit supaya tidak datang bekerja sehingga pulih sepenuhnya dan menjalani ujian.
- Pengudaraan yang baik dan mencukupi adalah disarankan. Buka tingkap dengan kerap terutamanya dalam ruang dalaman yang mempunyai densiti tinggi.